

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA
(BAKRI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.05.2016

Y.B. TUAN ER TECK HWA [BAKRI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai jumlah kes Skim Cepat Kaya di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan mengikut pecahan umur, jantina, bangsa dan negeri, dan apakah usaha Kerajaan untuk membanteras gejala ini daripada terus berleluasa dan memperdaya orang ramai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik siasatan terhadap kes-kes skim cepat kaya di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan yang dikuatkuasakan pada 30 Jun 2013, sebanyak dua buah syarikat termasuk individu telah disiasat di bawah

Seksyen 137 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atas kesalahan menjalankan aktiviti pengambilan deposit daripada orang ramai tanpa lesen yang sah. Lain-lain kes Skim Cepat Kaya yang sebelumnya telah disiasat di bawah Seksyen 25 Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 yang telah dimansuhkan setelah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dikuatkuasakan.

Selain itu, Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa mengambil langkah-langkah pencegahan dalam usaha membendung penularan dan penglibatan lebih ramai orang awam di dalam kegiatan pelaburan skim cepat kaya oleh penganjur yang tidak bertanggung jawab. Untuk makluman YB, BNM telah menyenaraikan sebanyak 261 syarikat dan laman sesawang yang tidak diberi kebenaran atau kelulusan di bawah undang-undang dan peraturan berkaitan yang ditadbir oleh BNM di dalam "Senarai Peringatan kepada Semua Pengguna Kewangan (SPSPK)" atau "*Financial Consumer Alert*" di laman sesawang BNM, bagi rujukan orang awam.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha kerajaan untuk membanteras gejala Skim Cepat Kaya, BNM dengan kerjasama pelbagai agensi penguatkuasaan juga

telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam membanteras aktiviti skim cepat kaya seperti berikut :

(i) Kerjasama strategik melalui Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (*National Coordination Committee to Counter Money Laundering, NCC*).

- Berperanan dalam menggalakan kerjasama perkongsian maklumat dan penyiasatan aktiviti jenayah pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan yang turut berkait rapat dengan kes pertukaran mata wang asing, emas dan network marketing yang mempunyai unsur penipuan.
- Sebagai contoh, operasi serbuan bersama telah dilakukan oleh pihak BNM, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) ke atas syarikat pelaburan emas, Geneva Malaysia Sdn Bhd bagi kesalahan pengambilan deposit daripada orang ramai secara haram dan menjalankan aktiviti Multi-Level Marketing (MLM) tanpa mendapat kelulusan.

(ii) Jawatankuasa Penipuan Kewangan (JPK) dalam Talian (*Online*

Financial Fraud Taskforce).

- JPK bertujuan untuk membanteras jenayah kewangan dalam talian dengan lebih berkesan melalui kerjasama strategik di antara ahli (BNM, PDRM dan SKMM)
- Ditugaskan untuk mengenal pasti isu-isu yang berbangkit dan mencadangkan langkah-langkah pencegahan awal bagi menangani aktiviti penipuan kewangan dalam talian.
- Tindakan penguatkuasaan telah diambil oleh PDRM manakala BNM dan SKMM akan menyediakan sokongan teknikal mengenai perkara di bawah bidang kuasa masing-masing.

(iii) Mengadakan kempen kesedaran kepada orang ramai.

- Pengumuman di media masa (akhbar-akhbar tempatan, siaran televisyen dan radio);
- Program kesedaran dan pendidikan pengguna di peringkat nasional seperti Hari Pengguna, Hari Koperasi Malaysia, Minggu Kesedaran Kewangan (M2K) dan Minggu Saham Amanah Malaysia yang dijalankan pada setiap tahun;
- Kerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam melalui

Pekeliling Am: Bil 1/2009 telah dikeluarkan melarang penjawat

awam dari terlibat dalam aktiviti pelaburan haram atau skim cepat kaya;

- Kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam penyediaan teks khutbah Jumaat berkaitan dengan gejala skim cepat kaya untuk edaran dan bacaan di masjid.

(iv) Penyenaraian nama-nama syarikat yang disyaki menjalankan skim-skim haram di dalam laman sesawang.

- BNM dan SC telah mengambil langkah inisiatif dengan menyenaraikan nama syarikat yang disyaki menjalankan skim-skim haram di dalam laman sesawang agensi masing-masing.
- KPDKK turut mempunyai senarai status pendaftaran syarikat jualan langsung di laman sesawangnya.

(v) Menyediakan saluran untuk orang ramai membuat aduan mengenai aktiviti haram syarikat MLM, skim cepat kaya, pelaburan emas dan pertukaran mata wang asing.

- Bank Negara Malaysia (BNM); Laman Informasi Nasihat & Khidmat (LINK) dan TELELINK

Laman web : <http://www.bnm.gov.my>

Nombor Telefon : 1-300-88-5465

- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC); SC Investor Alerts

Laman web : <http://www.sc.com.my>

Nombor Telefon : 03-82048999

Emel : aduan@seccom.com.my

- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan
Kepenggunaan (KPDNKK); Sistem E-Aduan KPDNKK

Email : e-aduan@kpdnkk.gov.my

- Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM)

Laman web : <http://aduan.skmm.gov.my>

Email : aduanskmm@cmc.gov.my

Tel : 1-800-888-030